

31/08/2000

Bank mesti lebih ikhlas

TEGURAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin terhadap sektor perbankan tempatan yang masih keberatan membiayai modal teroka bagi usahawan kecil, bukanlah kali pertama. Sesudah beberapa ingatan yang dibuatnya sebelum ini seolah-olah sengaja tidak didengar, kekecewaan Perdana Menteri mudah difahami. Sikap masyarakat perbankan yang hanya sedia memayungi ketika panas tetapi tidak pula berbuat demikian ketika hujan, memang sewajarnya ditegur.

Tiada perniagaan yang tidak berdepan risiko dan bank tidak terkecuali. Namun, keadaannya amat ketara bahawa sektor perbankan terlalu mementingkan keuntungan dengan membiarkan sebarang risiko ditanggung pihak lain. Sambil kita akur dengan hakikat bahawa bank memerlukan suatu bentuk jaminan terhadap sebarang pinjaman yang diluluskannya, namun ia tidak bermakna mereka harus mengabaikan fungsi sebenar untuk membantu menjana ekonomi negara.

Peniaga dan usahawan kecil harus paling malang sekalipun sudah ada pelbagai dasar dan program untuk menggalakkan perniagaan mereka. Ketika mereka mengharapkan pinjaman sebagai modal teroka, bank memilih untuk berdalih dengan mengenakan pelbagai syarat merumitkan. Walaupun bank berkenaan akan turut mengaut keuntungan jika peniaga dan usahawan kecil yang dibantunya bertambah maju, kemungkinan itu seolah-olah tidak langsung dipertimbangkan. Sebagaimana yang dikatakan Perdana Menteri, sektor perbankan tempatan yang selama ini hanya banyak 'melihat', perlu turut 'mendengar' agar hasrat kerajaan menyaksikan penyertaan lebih ramai Bumiputera dalam bidang peruncitan tidak akan terabai begitu saja.

(END)